

29 JAN 2002
Mahathir-OIC
MALAYSIA AKAN ANJUR PERSIDANGAN TAFSIR PENGGANAS

KUALA LUMPUR, 29 Jan (Bernama) -- Mesyuarat mengenai keganasan yang akan dianjurkan oleh Malaysia di sini akan membuat definisi istilah pengganas dan menyatakan pendirian yang sama di kalangan negara Islam, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata pada masa ini tidak ada usaha bersepadu yang dilakukan untuk membuat tafsiran berkenaan siapakah pengganas.

"Sekarang ini 'terrorist' (pengganas) adalah tertumpu kepada negara-negara Islam dan umat Islam sedangkan Israel, Yahudi adalah 'terrorist' dan Rusia yang begitu ramai membunuh orang Chechen.

"Melempar bom yang membunuh orang yang tidak bersalah itu adalah terrorism," katanya pada sesi dialog Persidangan Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka di sini hari ini.

Dr Mahathir menjawab pertanyaan mengenai Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang dikatakan kurang berkesan untuk menangani masalah yang dihadapi negara Islam dan mempertahankannya walaupun mempunyai dana kewangan yang besar.

Beliau berharap mesyuarat itu akan dapat dihadiri oleh negara-negara Islam bagi menyatakan pendirian yang sama terhadap isu yang amat penting dan mempertahankan negara Islam.

Perdana Menteri berkata kegagalan OIC sebagai sebuah pertubuhan negara Islam untuk mempertahankan negara dan umat Islam adalah kerana, antara lain, umat Islam menolak satu daripada ajaran asas Islam iaitu persaudaraan orang Islam.

Katanya pada zaman awal Islam, umat Islam hanya dikenali sebagai umat Islam dan tidak terbahagi kepada negara dan tidak mempunyai sempadan.

Bagaimanapun selepas Perang Dunia Pertama, British dan Perancis menubuhkan "nation states" di beberapa wilayah di Timur Tengah dan akibatnya muncullah negara-negara Arab yang tersendiri, katanya.

"Jadi apabila menjadi negara, mereka masing-masing mengutamakan kepentingan negara mereka dan tidak mengutamakan kepentingan umat Islam, malahan sering bermusuhan-musuhan," katanya.

Situasi itu berhubung-kait dengan cara Barat memilih pemimpin dan ketua negara yang memerintah negara Arab berkenaan.

"Sekarang ini mereka sudah menjadi 'nation states' dan Islam sudah menjadi 'back seat' dan 'nation states' menjadi 'the greater thing.' Dalam usaha mereka mempertahankan nasib diri masing-masing, mereka bermusuhan sesama sendiri sehingga tidak bekerjasama walaupun dalam perkara yang sepatutnya umat Islam bersatu padu," katanya.

Dr Mahathir berkata dalam OIC sendiripun tidak ada pendapat yang sama dalam perkara yang sepatutnya tidak ada perbezaan.

-- BERNAMA
HS ZS NMO